



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM LANCAR SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA (EVAW) DI LANGKAWI

LANGKAWI, 24 NOVEMBER - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, hari ini telah melancarkan Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita Tahun 2025 atau *Eliminate Violence Against Women (EVAW)* di Dataran Lang, Langkawi.

Sambutan ini merupakan kali yang ke-17 diadakan sejak program EVAW diperkenalkan oleh KPWKM pada tahun 2009. Tarikh 25 November telah diiktiraf sebagai Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak tahun 2000 dan tema di peringkat antarabangsa bagi tahun ini ialah *“Towards 30 years of The Beijing Declaration and Platform for Action: Unite to End Digital Violence Against All Women and Girls”*.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapan perasminya berkata bahawa KPWKM melalui JPW aktif melaksanakan pelbagai program khusus secara berterusan termasuk meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya kaum lelaki untuk sama-sama membantu mengurangkan kes keganasan terhadap wanita. Sejak Januari sehingga Oktober 2025, JPW telah melaksanakan 101 program advokasi menangani keganasan terhadap wanita dengan penyertaan lebih 74,397 peserta.

“Di Malaysia, kes-kes keganasan terhadap wanita masih berlaku dan pada tahap yang membimbangkan. Berdasarkan statistik pembentangan Jawatankuasa Kerja Data Keganasan Rumah Tangga, sehingga Jun 2025, lima (5) negeri yang merekodkan kes keganasan rumah tangga tertinggi adalah Selangor, Perak, Johor, Kedah dan Sabah”, kata beliau dalam ucapannya.

YB Dato' Sri Hajah Nancy dalam rangka lawatan kerja ke Langkawi turut merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan yang merupakan inisiatif pencegahan dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu gangguan seksual. Inisiatif ini merupakan langkah yang diambil berikutan statistik PDRM yang menunjukkan peningkatan membimbangkan iaitu 477 kes pada 2022, meningkat kepada 522 kes pada 2023, dan melonjak kepada 788 kes pada 2024. Sehingga Oktober 2025 sahaja, 872 kes telah dilaporkan.

Menerusi lawatan kerja ini juga, YB Menteri telah mempengerusi Mesyuarat Majlis Wanita Keluarga dan Negara (MWKN) yang telah membentangkan hala tuju, dasar serta strategi berkaitan pemerkasaan wanita dan pembangunan keluarga. Mesyuarat ini merupakan satu platform strategik yang membincangkan isu, mengemukakan nasihat serta syor berkaitan isu wanita serta keluarga bagi memastikan isu-isu berkepentingan yang dibincangkan, didengari dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Lawatan kerja dua hari ini diharapkan akan mencapai matlamat untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap usaha menghentikan keganasan terhadap wanita dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan bilangan kes gangguan seksual seterusnya mengangkat usaha-usaha memperkasa wanita bagi membolehkan wanita menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan sosial negara.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
24 NOVEMBER 2025**